

03 SEP 2001

MAHATHIR-PELABUR

M'SIA TIDAK MENDISKRIMINASIKAN PELABUR ASING, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Sept 3 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini yang Malaysia tidak mendiskriminasikan syarikat-syarikat asing yang melabur di dalam negara.

Mengulas dakwaan yang mengatakan dalam beberapa peristiwa lepas di mana UMNO ataupun sebahagian daripada kerajaan tidak begitu memberi sokongan kepada Singapore Telecommunications Ltd (SingTel) contohnya, beliau berkata pelaburan Singapura di Malaysia amat besar.

"Pelaburan Singapura di Malaysia teramat besar, tetapi dasar kita sama sahaja untuk semua syarikat asing," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

"Kita tidak mahu syarikat-syarikat kita yang menjalankan perniagaan dalam negara kita dikuasai oleh orang asing. Dasar yang sama terhadap pelabur Singapura," kata beliau.

Tahun lepas, SingTel berhasrat untuk membeli 14.5 peratus kepentingan dalam Time Engineering dan 20.59 peratus dalam anak syarikat Time Engineering iaitu Time dotCom.

Cadangan Time-SingTel itu telah digugurkan selepas Time memberitahu Bursa Saham Kuala Lumpur yang ia telah membatalkan perundingan dengan SingTel berkenaan dengan perkara itu.

Ditanya sama ada terdapatnya usaha diambil bagi membenarkan lebih banyak syarikat Singapura melabur di Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Ia bergantung kepada kepentingan negara kita."

Menyentuh mengenai pertemuan beliau dengan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew esok, beliau berkata ia lebih kepada membincangkan perhubungan antara Malaysia dan Singapura.

Ditanya juga sama ada beliau akan memperkatakan isu berkenaan kumpulan militan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, kalau mereka tanya saya akan cuba jelaskan."

Lee tiba semalam untuk lawatan empat hari, bertujuan meningkatkan lagi hubungan antara Malaysia dan Singapura. -- BERNAMA

MK FR AA